


Bab 5

Bulatan Circles

Bahagian A


- 1 Rajah berikut menunjukkan sebuah bulatan.
The following diagram shows a circle.



Antara berikut, yang manakah adalah betul?
Which of the following is correct?

	Bahagian bulatan Part of circle	Nama bahagian Name of part
A	OQ	Diameter Diameter
B	PQ	Jejari Radius
C	PQ	Perentas Chord
D	PRQ	Lengkuk Arc


- 2 Rajah berikut menunjukkan tiga garis lurus AC, BE dan OD dalam sebuah bulatan.
The following diagram shows three straight lines AC, BE and OD in a circle.



Yang manakah ialah perentas?
Which one is chord?

- A AC
- B BE
- C OD
- D BO

- 3 Rajah berikut menunjukkan sebuah segi tiga GHI dalam sebuah bulatan.
The following diagram shows a triangle GHI in a circle.



Diberi panjang lengkok GH dan HI masing-masing ialah 5 cm dan 3.7 cm dan, panjang lengkok GH adalah sama dengan panjang lengkok GI. Nyatakan jenis segi tiga dalam bulatan itu.

Given the lengths of arcs GH and HI are 5 cm and 3.7 cm respectively and, the length of arc GH is equal to the length of arc GI. State the type of triangle in the circle.

- A Segi tiga bersudut tegak
Right-angled triangle
- B Segi tiga tak sama sisi
Scalene triangle
- C Segi tiga sama kaki
Isosceles triangle
- D Segi tiga sama sisi
Equilateral triangle

- 4 Sebuah kolam ikan berbentuk bulatan mempunyai diameter 24.5 m. Seorang penternak ikan ingin memagar kolam ikannya dengan pagar yang berharga RM2 semeter. Cari kos pagar penternak ikan perlu bayar untuk memagar kolam ikannya.

A circular fish pond has a diameter of 24.5 m. A fish farmer wants to fence up his fish pond using a fence that costs RM2 per metre. Find the cost of the fence that the fish farmer needs to pay to fence up his fish pond.


[Guna/ Use: $\pi = \frac{22}{7}$]

- A RM154
- B RM77

- C RM49
- D RM38.50

- 5 Rajah berikut menunjukkan sebuah segi tiga sama kaki PQS di dalam sebuah bulatan yang berjejari 3.1 cm dan berpusat O .

The following diagram shows an isosceles triangle PQS in a circle with a radius of 3.1 cm and centre O .



Diberi $PQ = 5$ cm dan $QS = 6$ cm, hitung panjang OR .

Given that $PQ = 5$ cm and $QS = 6$ cm, calculate the length of OR .


- A 4.9 cm C 3.9 cm
B 4.0 cm D 0.9 cm
- 6 Diberi sebuah bulatan mempunyai diameter 14 cm, hitungkan lilitan bulatan itu.

Given a circle has a diameter of 14 cm, calculate the circumference of the circle.

[Guna/ Use: $\pi = \frac{22}{7}$]

- A 22 C 88
B 44 D 616
- 7 Rajah berikut menunjukkan tinggi bagi bahagian bawah tingkap.

The following diagram shows the height of the lower part of a window.



Diberi luas bahagian bawah tingkap ialah 5.25 m^2 , hitungkan jumlah luas tingkap itu.

Given the area of the lower part of the window is 5.25 m^2 , calculate the total area of the window.


[Guna/ Use: $\pi = \frac{22}{7}$]

- A 6.79 m^2 C 4.48 m^2
B 6.02 m^2 D 3.71 m^2

- 8 Rajah berikut menunjukkan sebuah corak yang terdiri daripada satu bulatan dan dua semi bulatan yang serupa.

KBAT

The following shows a pattern made of one circle and two similar semicircles.



Diberi diameter corak bulatan itu ialah 28 cm dan lengkok semi bulatan bertemu pada pusat bulatan. Hitungkan perimeter, dalam cm, bagi kawasan berlorek itu.


Given the diameter of the circular pattern is 28 cm and the arcs of the semicircles meet at the centre of the circle, calculate the perimeter, in cm, of the shaded region.

[Guna/ Use: $\pi = \frac{22}{7}$]

- A 22
B 44
C 88
D 176
- 9 Rajah berikut menunjukkan sebuah kek bulatan yang dibahagikan sama rata kepada beberapa keping.

KBAT

The following diagram shows a circular cake is equally divided into few slices.



Diberi diameter cake ialah 25.4 cm, hitungkan luas permukaan atas, dalam cm^2 , bagi dua keping kek.

Given the diameter of the cake is 25.4 cm, calculate the top surface area, in cm^2 , of two slices of cake.

[Guna/ Use: $\pi = 3.142$]

- A 50.68
B 101.35
C 405.42
D 506.77

Bahagian B


- 1 Rajah di dalam ruang jawapan menunjukkan sebuah bulatan berpusat O .
The diagram in the answer space shows a circle with centre O .

Dengan menggunakan perkataan di bawah, labelkan bulatan tersebut.
Using the words below, label the circle.



[4 markah/ marks]

Jawapan/ Answer:



- 2 Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.
Mark (✓) for the correct statements and (✗) for the incorrect statements.

[4 markah/ marks]

Jawapan/ Answer:

(a)	Diameter merupakan paksi simetri bagi semua bulatan. <i>Diameter is the axis of symmetry for all circles.</i>	
(b)	Pusat bulatan ialah satu titik yang tidak tetap jarak dari semua titik pada lilitan bulatan. <i>The centre of circle is a point without a fixed distance from all points on the circumference of circle.</i>	
(c)	Jejari yang berserenjang dengan perentas membahagi dua sama perentas itu. <i>The radius which is perpendicular to the chord bisects the chord.</i>	
(d)	Lilitan bulatan ialah hasil darab jejari dan π . <i>The circumference of circle is the product of radius and π.</i>	